

Panel Parlimen: Pakatan mahu pembaharuan dilaksana sebelum PRU-13
The Malaysian Insider
17 Ogos, 2011
Oleh G Manimaran dan Shannon Teoh

KUALA LUMPUR, 16 Ogos — Pakatan Rakyat menekankan pembaharuan pilihan raya seharusnya diadakan sebelum pilihan raya umum ke-13 susulan pengumuman pentadbiran Najib semalam bahawa satu panel Parlimen akan dibentuk bagi mengkaji sistem pilihan raya ekoran siri kritikan dan keraguan.

Kepimpinan Pakatan Rakyat menegaskan, usaha-usaha itu hanya dilihat sebagai satu taktik mengalih pandangan jika tuntutan dibawa Bersih 2.0 tidak dilaksanakan.

“Jawatankuasa itu juga seharusnya mengambil pandangan daripada Bersih dan jika pembaharuan tidak dilakukan sebelum pilihan raya umum, maka Najib tidak jujur,” kata Timbalan Presiden PAS Mohamad Sabu kepada The Malaysian Insider.

Dalam pada itu, Ketua Pemuda Sosialis DAP (DAPSY) Loke Siew Fook berkata, sayap itu mengalu-alukan pengumuman Najib semalam kerana ia membuktikan akhirnya pentadbiran beliau terpaksa tunduk kepada permintaan rakyat yang dijana melalui perhimpunan Bersih 2.0 pada 9 Julai lepas.

“Ini merupakan kemenangan awal hasil daripada kebangkitan rakyat menuntut sistem pilihan raya yang bersih dan adil,” kata Loke yang juga Ahli Parlimen Rasah.

Namun katanya, DAPSY mendesak Najib memberikan komitmen penuh untuk melaksanakan kata-kata beliau dan untuk merealisasikan agenda perubahan tersebut, beberapa langkah segera perlu diambil oleh pentadbiran Najib.

Katanya, Najib seharusnya memanggil satu sidang khas Dewan Rakyat sebelum Aidilfitri untuk menubuhkan jawatankuasa tersebut dan tanpa satu sidang khas, Parlimen terpaksa tunggu sehingga 3 Oktober untuk melaksanakan penubuhannya.

Selain itu kata beliau, lapan tuntutan asal Bersih 2.0 dijadikan sebagai asas “terma-terma rujukan” bagi jawatankuasa tersebut.

Loke menambah, jawatankuasa itu perlu diberi masa tiga bulan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka dan mengumpul pandangan awam dari seluruh lapisan masyarakat.

“Laporan penuh perlu dibentang dan dibahaskan di Parlimen pada akhir tempoh tersebut,” katanya lagi.

“Semua cadangan daripada jawatankuasa pemilih Parlimen yang dipersetujui bersama secara konsensus dan lapan tuntutan asal Bersih 2.0 mesti dilaksanakan dalam pilihan raya umum ke-13.

“Datuk Seri Najib perlu memberikan perjanjian secara terbuka bahawa beliau tidak akan membubarkan Parlimen selagi semua agenda perubahan yang dituntut untuk memastikan sistem pilihan raya yang bersih dan adil belum dilaksanakan,” kata beliau dalam satu kenyataan dikeluarkan hari ini.

Semalam, Najib mengumumkan penubuhan jawatankuasa pemilih Parlimen mengenai pembaharuan pilihan raya dalam masa terdekat bagi mengelakkan sebarang syak wasangka

wujudnya manipulasi oleh kerajaan.

Najib berkata panel itu yang akan dianggotai oleh anggota parti kerajaan dan pembangkang akan membincangkan apa yang perlu dilakukan untuk mendapatkan kata sepakat ke arah itu.

"Ini supaya kita akan dapat kata sepakat untuk mengendalikan pilihan raya akan datang tanpa sebarang rasa syak wasangka bahawa ada sesuatu manipulasi yang dilakukan oleh kerajaan," kata Najib.

Najib mengumumkan langkah itu susulan perhimpunan Bersih 2.0 bulan lalu yang mengetengahkan lapan tuntutan pembaharuan sistem pilihan raya.

Susulan perhimpunan itu, pada minggu lalu, Pakatan Rakyat yang mempertikaikan status daftar pemilih, meminta Najib memanggil sidang Parlimen khas bagi membincangkan isu-isu pilihan raya khususnya dakwaan menjadikan warga asing sebagai pemilih dengan dianugerahkan status kewarganegaraan kepada pemastautin tetap.

Ahli Parlimen Bukit Bendera Liew Chin Tong berkata pengumuman Najib semalam adalah "satu pengakuan" selepas tindakan pentadbirannya ke atas perhimpunan Bersih 2.0 yang menuntut pembaharuan sistem pilihan raya, yang turut menyaksikan lebih 1,700 orang ditahan.

Pakar strategi DAP ini menambah, kini Najib mengambil langkah pertama ke atas demokrasi sihat, tetapi perlu menyertakan bersama keperluan media bebas dan hak untuk berhimpun.

"Kerajaan mesti menerima syor-syor dibuat oleh jawatankuasa pemilih dan jika tidak, ia hanya akan dianggap sebagai taktik melengah-lengahkan (keperluan pembaharuan pilihan raya)," katanya lagi.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/panel-parlimen-pakatan-mahu-pembaharuan-dilaksana-sebelum-pru-13/>